

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WONG TIEN FATT @ WONG NYUK  
FOH[ SANDAKAN ]**

**SOALAN NO. 511**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan Kerajaan Persekutuan untuk membaik pulih ekosistem lautan sekitar negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memberikan perhatian yang serius dalam pemuliharaan ekosistem marin negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi dan sumber perikanan. Bagi membaik pulih dan menambah baik ekosistem lautan, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan program pembangunan tukun di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dari tahun 2006 hingga kini, sebanyak 215 tapak tukun telah dibangunkan dengan kos sebanyak RM 65 juta. Manakala di negeri Sabah sahaja sebanyak 55 tapak tukun telahpun dibangunkan, iaitu 16 tapak konservasi yang bertujuan untuk pemuliharaan dan 39 tapak rekreasi untuk tangkapan secara pancingan yang terkawal.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 8.5 juta untuk tujuan pembangunan tukun di negeri Sabah. Kerajaan akan meneruskan usaha dan program sedia ada bagi memulihara ekosistem lautan dan memastikan sumber perikanan dan kepelbagaian biologi marin negara terus terpelihara.